



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

26 OGOS 2021 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Kompaun RM10,000 jika gagal patuh SOP

Johor Bahru: Peniaga dan pengunjung premis perniagaan yang gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN), bakal dikompaun RM10,000 serta-merta bagi mengelakkan penularan pandemik Covid-19 di negeri itu semakin buruk.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, Mohd Hani-zam Kecheh berkata, 200 anggota penguat kuasa berpakaian preman dan menyamar sebagai pelanggan sudah dikerahkan memantau pelaksanaan SOP PPN, di negeri ini.

Katanya, tindakan tegas termasuk pengeluaran kompaun serta-merta itu bagi memastikan peniaga dan pengguna serius mematuhi SOP sepenuhnya demi keselamatan serta kesihatan rakyat negeri ini.

"KPDNHEP Johor ingin memaklumkan tindakan tegas akan diambil dengan mengeluarkan kompaun sehingga RM10,000 secara serta-merta terhadap keti-

dakpatuhan SOP PPN tanpa kompromi sebagai langkah pencegahan.

"KPDNHEP Johor sudah menggerakkan penguat kuasa berpakaian preman selain menyamar sebagai pelanggan menerusi Op Samar, bagi memantau pematuhan SOP PPN dalam kalangan peniaga dan pelanggan supaya pembukaan sektor tambahan seperti diumumkan kerajaan, tidak mewujudkan kluster jangkitan Covid-19 baharu.

"KPDNHEP Johor komited bersama kerajaan dalam usaha memerangi Covid-19 dengan meningkatkan lagi pemantauan dan pemeriksaan pematuhan SOP di bawah Akta 342 bagi memutuskan rantaian penularan di samping memastikan masyarakat tidak mengambil mudah SOP ditetapkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sabtu lalu, kerajaan Johor dilaporkan memutuskan membenarkan 11 aktiviti ekonomi termasuk kedai gunting rambut dan premis cuci kereta, beroperasi, berkuat kuasa Jumaat lalu.



Pemeriksaan KPDNHEP Johor terhadap pematuhan SOP PPN di sebuah pusat beli-belah di Tebrau pada Rabu.

KPDNHEP Johor keluarkan 26 kompaun

JOHOR BAHRU- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengeluarkan 26 kompaun atas kesalahan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN).

**GAGAL
PATUH SOP**

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri KPDNHEP, Mohd Hanizam Kecek berkata, kesalahan tersebut dikesan sepanjang penguatkuasaan pematuhan SOP PKP yang dijalankan mulai 13 Mei tahun lalu hingga Selasa.

“Sepanjang tempoh tersebut sebanyak 65,036 premis meliputi sektor peruncitan, pemborongan dan pengilang di seluruh negeri telah diperiksa.

“Keseluruhan nilai daripada 26 kompaun terbabit ialah RM129,500.

“Kompaun RM10,000 serta-merta akan diambil jika didapati berlaku ketidakpatuhan SOP,” katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Sebelum itu, Mohd Hanizam bersama 10 orang anggota penguat kuasa melakukan tinjauan dan pemeriksaan di pusat beli-belah di Tebrau pada Rabu.

Pemeriksaan sama juga dijalankan secara serentak di semua cawangan KPDNHEP Johor melibatkan seramai 200 anggota penguat kuasa.

Menurut Mohd Hanizam, pihaknya telah menggerakkan Ops Samar dengan anggota penguat kuasa berpakaian preman dan menyamar sebagai pelanggan.

“Operasi pematuhan SOP dalam kalangan peniaga dan pelanggan dilakukan supaya pembukaan sektor tambahan ini tidak menjadi penyumbang kepada penularan Covid-19,” katanya.

Harga runcit telur ayam stabil

Harga semasa telur gred A adalah RM0.44, RM0.40 (gred B) dan RM0.36 (gred C)

Oleh TUAN BUQHAI RAH
 TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Harga purata runcit telur ayam berada pada kedudukan stabil, kata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menerusi kenyataannya, KPDNHEP memaklumkan harga semasa bagi gred A adalah RM0.44, RM0.40 (gred B) dan RM0.36 (gred C) pada Isnin lalu. Menurutnya, hasil pemantauan dan analisis yang diperoleh

daripada peringkat pengeluaran dan pemborong oleh Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) mendedahkan harga jualan telur ayam gred A adalah pada harga antara RM0.37 hingga RM0.38 sebij.

"Gred B dijual pada harga RM0.34 hingga RM0.38 manakala sekitar RM0.33 hingga RM0.37 bagi telur ayam gred C dengan masing-masing margin untung antara RM0.01 hingga RM0.03 setiap biji," katanya.

KPDNHEP berkata, pemantauan juga mendapati ada peniaga yang masih menjual pada harga yang lebih rendah daripada harga kos sehingga Julai 2021.

Katanya, harga runcit telur ayam yang dijual dalam kuantiti 30 biji lebih menjimatkan berbanding yang dijual dalam kuantiti 10 biji.

"Oleh itu, pengguna digalakkan membuat pilihan bijak," katanya dalam kenyataan pada Rabu.



Gred B dijual pada harga RM0.34 hingga RM0.38 manakala sekitar RM0.33 hingga RM0.37 bagi telur ayam gred C dengan masing-masing margin untung antara RM0.01 hingga RM0.03 setiap biji."

Kementerian itu berkata, pihaknya mengambil maklum laporan akhbar dan media sosial berhubung harga runcit telur ayam yang telah meningkat di pasaran berbanding bulan sebelumnya.

"Laporan tersebut selari dengan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)," katanya.

KPDNHEP berkata, purata harga runcit bagi ayam bersih standard juga stabil sejak Ahad hingga Isnin lalu iaitu RM7.51sekilogram.

"Kementerian telah melaksanakan penguatkuasaan Ops Pasar (telur ayam) dan Ops Rantai (makanan ternakan

Menurut kenyataan tersebut, penguatkuasaan Ops Pasar telah memberi fokus kepada tiga sasaran utama telur ayam.

"Ini termasuklah pemeriksaan mengambil kira semua rantai-an termasuk peringkat pengeluaran, penternak, pemborong dan peruncit," katanya.

Sinar Harian pada Selasa melaporkan harga telur ayam bagi Ogos mencapai paras tertinggi pada tahun ini dengan peningkatan melibatkan kesemua gred telur.

Harga telur, ayam, kambing capai paras tertinggi

Bagi ayam, laluan, harga runcit telur meningkat 10 sen kepada RM6.55.

Dalam pasaran minggu, harga daging kambing, biri, daging kudu, paru-paru dan jantungnya mencapai paras tertinggi RM24.60.

Harga kambing, biri, daging kudu, paru-paru dan jantungnya mencapai RM14.05.

Untuk perdagangan peternakan, harga daging lembu meningkat 10 sen kepada RM10.10 untuk RMES.10 dan RMES.11.

Bagaimanapun, harga daging lembu, biri, paru-paru dan jantungnya mencapai RM11.00 dan RM11.50.

Untuk perdagangan peternakan, harga daging lembu meningkat 10 sen kepada RM11.00 dan RM11.50.

Bagaimanapun, harga daging lembu, biri, paru-paru dan jantungnya mencapai RM11.00 dan RM11.50.

Laporan Sinar Harian pada Selasa.



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM6.90	• Telur Gred A	RM12.50	• Cili Merah	RM8.99
• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Ikan Kembung	RM15.90	• Kubis Bulat Tempatan	RM3.49
• Daging Lembu Import	RM30.90	• Minyak Masak	RM6.50	• Tepung Gandum	RM2.25
• Gula Pasir	RM2.85	• Bawang Putih	RM6.90		
• Bawang Besar Holland	RM2.80				

*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP



New fuel prices

Aug 26 - Sept 1

RON95 **RM2.05**
(unchanged)

RON97 **RM2.72**
(-2 sen)

DIESEL **RM2.15**
(unchanged)